

MAHATHIR - PAS

CHANGLUN, 21 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGULANGI PELAWAANNYA KEPADA SEMUA ANGGOTA DAN PENYOKONG PAS DAN PARTI SEMANGAT 46 AGAR BERAMAI-RAMAI MENYERTAI UMNO UNTUK PERPADUAN ORANG MELAYU DAN ISLAM.

KATANYA, TINDAK-TANDUK PEMIMPIN KEDUA-DUA PARTI PEMBANGKANG ITU SUDAH MENYELEWENG DARIPADA PERJUANGAN ASAL MEREKA DAN MEREKA KINI HANYA MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI.

+PARA PEMIMPIN PAS CONTOHNYA, TELAH MELUPAI PERJUANGAN ASAL UNTUK MENEGAKKAN NEGARA ISLAM, SEBALIKNYA KINI BERCUMBU-CUMBUAN DENGAN DAP YANG TERANG-TERANGAN MENENTANG SEGALA RUPA BENTUK PERGERAKAN ISLAM,+ KATANYA PADA PERHIMPUNAN BERSAMA RAKYAT DI SEKOLAH MENENGAH CHANGLUN DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG DIIRINGI OLEH ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, ADALAH DALAM SIRI LAWATAN DUA HARI KE KAWASAN PARLIMENNYA, KUBANG PASU YANG BERAKHIR HARI INI.

KATANYA, SEJAK PAS MENGADAKAN PAKATAN DENGAN DAP DAN SEMANGAT 46, BERIBU-RIBU ANGGOTA DAN PENYOKONGNYA TELAH MENYERTAI UMNO YANG MERUPAKAN SATU PETANDA BAIK KE ARAH PERPADUAN UMMAH. -- LAGI.

1241MST 21 09 90

U 8682 BAH

MAHATHIR - PAS 2 CHANGLUN

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERHARAP AGAR ANGGOTA DAN PENYOKONG PAS MENGHENTIKAN PERMUSUHAN DENGAN ANGGOTA DAN PENYOKONG UMNO YANG SEBANGSA DAN SEAGAMA.

KATANYA, TIDAK ADA GUNA BAGI MEREKA (PENYOKONG DAN ANGGOTA PAS) TERUS MENYOKONG PEMIMPIN MEREKA YANG KINI HANYA MEMENTINGKAN KEDUDUKAN SENDIRI DENGAN BANGGUP +MENJUAL+ TIDAK KURANG 60 KERUSI PARLIMEN YANG DITANDINGI PADA PILIHAN RAYA-PILIHAN RAYA LEPAS KEPADA SEMANGAT 46 DAN DAP SEMATA-MATA UNTUK MENDAPATKAN SOKONGAN KEDUA-DUA PARTI ITU.

INI BERMAKNA SEBILANGAN BESAR ANGGOTA PAS YANG BERCITA-CITA UNTUK MENJADI CALON AKAN KECIWA DAN HANYA ORANG-ORANG TERTENTU DALAM PARTI ITU BERPELUANG BERTANDING, KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU SUKACITA KERANA SEMAKIN BANYAK PENYOKONG DAN ANGGOTA PAS DI KEDAH MENYEDARI PENIPUAN DAN PENYELEWENGAN YANG DILAKUKAN OLEH PEMIMPIN MEREKA, DAN KINI MEREKA MULA MEMASUKI UMNO DAN KALUPUN KEKAL DALAM PAS, DIKETAHUI AKAN MENYOKONG CALON-CALON BARISAN NASIONAL PADA PILIHAN RAYA AKAN DATANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MENDEDAHKAN +PERANGKAP+ YANG DIPASANG OLEH SEMANGAT 46 UNTUK +MEMBUNUH+ PAS SELEPAS MEMENANGI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG. -- LAGI.

1300MST 21 09 90

U B683 BAH
MAHATHIR - PAS 3 CHANGLUN

KATANYA, PADA MESYUARAT KHAS TERTUTUP PARTI SEMANGAT 46 DI KEDIAMAN TENGGU RAZALEIGH DI KUALA LUMPUR BARU-BARU INI, PRESIDEN PARTI ITU TELAH MENERANGKAN RANCANGANNYA UNTUK +MEMBUNUH+ PAS SETELAH HAJAT TERCAPI MENERUSI PAKATAN YANG DIADAKAN ITU.

+PITA UCAPANNYA ADA PADA SAYA, DAN SESIAPA SAHAJA ANGGOTA PAS YANG INGIN MENDENGARNYA BOLEH MENDAPATKANNYA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, ADALAH SATU KESILAPAN BESAR BAGI PAS UNTUK BEKERJASAMA DENGAN SEMANGAT 46 KERANA PARA PEMIMPINNYA HANYA MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI.

INI JELAS TERLIHAT APABILA MEREKA SANGGUP BERTINDAK SEHINGGA TERHARAMNYA UMNO MENYEBABKAN SEGALA HARTANYA KINI BERPINDAH KEPADA KERAJAAN DAN UMNO PULA TERPAKSA MENYEWANYA DARIPADA KERAJAAN.

MENGENAI DAKWAAN KONONNYA SURAT KHBAR-SURAT KHBAR SEPERTI NST, UTUSAN DAN BERITA HARIAN IALAH MILIK KERAJAAN, PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN TIDAK PERNAH MEMILIKI SEBARANG SURATKAHBAR, SEBALIKNYA AKHBAR-AKHBAR BERKENAAN MILIK PARTI.

SEKIRANYA AKHBAR-AKHBAR BERKENAAN ENGGAN MEMUATKAN BERITA-BERITA MENGENAI PARTI-PARTI PEMBANGKANG, ITU ADALAH HAK MEREKA SEBAGAIMANA JUGA HARAKAH (PAS) DAN ROKET (DAP) HANYA MEMUATKAN LAPORAN-LAPORAN BURUK MENGENAI KERAJAAN DAN BARISAN NASIONAL. -- BERNAMA.